

Pas Kelantan turut larang sertai BTN

um-10/12/09

KOTA BHARU 9 Dis. - Kerajaan Pas Kelantan mengikut langkah Selangor menegah para pegawai dan kakitangannya menyertai sebarang program anjuran Biro Tata Negara (BTN).

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat percaya, UMNO tidak akan merombak kurikulum yang berunsur perkamuan itu walaupun didesak berbuat demikian oleh beberapa pihak.

"Saya setuju kurikulum BTN dirombak. Tetapi kerana UMNO masih berkuasa sekarang ini dan tidak boleh menerima Islam maka ia tidak akan berlaku.

"Tukarlah. Cara yang paling mudah masa pilihan raya umum akan datang jangan undi selain pergerakan Islam dan pakatan pembangkang. Barulah senang pelesen-pelesen UMNO dibuang ke Laut China Selatan," katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Ditanya pendirian kerajaan pimpinannya terhadap isu itu, Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, kurikulum kursus BTN perlu dirombak agar dapat diterima oleh semua.

Polemik program BTN mula menjadi panas sejak akhir-akhir ini apabila pakatan pembangkang mendakwa kursus tersebut menjadi penghalang kepada pembentukan satu negara bangsa Malaysia.

Ia disusuli dengan tindakan kerajaan negeri Selangor yang mengharamkan kursus itu daripada disertai oleh kakitangan kerajaan negeri dan pelajar universiti milik negeri itu.

Bagaimanapun kerajaan mempertahankan kursus tersebut kerana ia bertujuan membentuk jati diri dan memberi pengetahuan tentang soal kenegaraan.

Menurut Nik Abdul Aziz, isu perkamuan itu telah diketahuinya sejak lama dulu namun baru sekarang mempunyai peluang untuk bercakap mengenai BTN.

Justeru katanya, biarlah kurikulum tersebut diubah mengikut ajaran dan akidah Islam yang sebenar dan sebagai tempat menyebarkan agama berkenaan.

"Isu BTN ini telah lama saya dengar yang menghasut rakyat supaya benci kepada bangsa lain tetapi ketika itu saya tiada ruang untuk tegur," ujarnya.